

Majlis Bersama Jabatan (MBJ), Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan



Labuan, 16 Ogos – Perlembagaan Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan (JPWPL) telah diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) pada **30 Mei 2017**. Bahagian Saraan, Jabatan Pendidikan Awam Malaysia dalam suratnya telah meluluskan Penubuhan MBJ JPWPL secara rasminya berkuatkuasa pada **07 Jun 2017**.

Urusetia telah mengadakan satu Mesyuarat MBJ JPWPL bagi Pihak Pekerja Bil 1/2017 pada 2 Ogos 2017 yang telah di Pengerusikan oleh Pengerusi Sementara iaitu Setiausaha Pihak Pegawai sebagai Moderator bagi pemilihan Ahli Pihak Pekerja sebagai Pengerusi Pihak Pekerja (Naib Pengerusi) dan Setiausaha Pihak Pekerja (Setiausaha Bersama) MBJ JPWPL bagi sesi Tahun 2017 – 2018 (dua Tahun).

Pemilihan tersebut yang berlangsung tanpa sebarang campurtangan daripada pihak pengurusan tertinggi JPWPL.

Pihak Pekerja telah sebulat suara untuk memilih Encik Mohd Nizam bin Yasim sebagai Pengerusi Pihak Pekerja dan secara automatik menjadi Naib Pengerusi MBJ JPWPL dan Cik Ajiejah binti Lajim sebagai Setiausaha Pihak Pekerja (Setiausaha Bersama) di dalam Mesyuarat MBJ JPWPL.

Setiausaha Bersama MBJ JPWPL iaitu Puan Caroline binti Boni bagi Pihak Pegawai dan Cik Ajiejah binti Lajim bagi Pihak Pekerja.

Pengarah Pendidikan JPWPL, Encik Raisin Saidin secara automatik dilantik sebagai Pengerusi bagi Pihak Pegawai merangkap Pengerusi Majlis Bersama Jabatan, JPWPL dan Ketua-ketua Sektor dilantik sebagai Pihak Pegawai.

Pelantikan Ahli Pihak Pegawai dan Pihak pekerja MBJ JPWPL pada hari ini adalah berdasarkan kepada waran perjawatan sediaada dan juga selaras dengan Perlembagaan MBJ JPWPL yang telah diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

MBJ JPWPL adalah sebagai satu platform bagi semua wakil perkhidmatan/ kesatuan pihak kerja untuk mengusulkan isu-isu/ cadangan seperti Elaun dan Kemudahan, Kewangan, Perkhidmatan, Skim Perkhidmatan dan Perjawatan, Kebajikan dan Pentadbiran.

Semua isu dan cadangan wakil pihak pekerja ini akan dibincangkan semasa Mesyuarat MBJ JPWPL bagi diputuskan jalan penyelesaiannya.

Manakala bagi isu-isu dan cadangan yang tidak dapat diselesaikan dan memerlukan rujukan berkenaan dasar atau peraturan-peraturan yang lain ianya akan diangkat ke Bahagian Sumber Manusia Kementerian Pendidikan Malaysia atau Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.



Encik Raisin Saidin sedang menyampaikan amanat kepada Ahli Majlis Bersama Jabatan, JPWPL

Semasa Mesyuarat MBJ bil 1/2017 pada 16 Ogos 2017 yang dipengerusikan Pengarah Pendidikan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Encik Raisin Saidin selaku Pengerusi pihak pegawai dan Pengerusi MBJ JPWPL, menzahirkan ucapan tahniah kepada semua Ahli Jawatankuasa Khas Penubuhan Majlis Bersama Jabatan, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan.

Alhamdulillah setelah kita mengenalpasti isu-isu yang berkaitan dengan pewujudan dan pendaftaran secara rasmi, kita telah berjaya untuk mendapatkan kelulusan bagi Nombor Pendaftaran (No. MBJ: 1200033) Majlis Bersama Jabatan, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan. Ini merupakan satu kejayaan yang amat bermakna kepada JPWPL dan ucapan tahniah kepada seluruh warga jabatan khususnya kepada pihak urusetia MBJ, Sektor Khidmat Pengurusan dan Pembangunan yang diurusetia oleh pegawai meja, Encik Shaharedzuan bin Mohd Salleh.

Dalam Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan mempunyai 2 kumpulan iaitu

Pihak Pegawai (Majikan) dan Pihak Pekerja.

Menjadi harapan Encik Raisin Saidin agar Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan ini dapat menjadi satu medium bagi pihak pegawai dan pihak pekerja memberikan idea-idea yang bernas bagi meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan dengan lebih cemerlang pada masa hadapan.

Sumber Berita : Encik Shaharedzuan Mohd Salleh



Antara Ahli Majlis yang hadir pada mesyuarat MBJ JPWPL bil 1/2017